

KUALA LUMPUR, 19 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA RAKYAT MALAYSIA PERLU MEMPUNYAI NILAI-NILAI ROHANIAH YANG TINGGI, ETHIKA KERJA YANG LEBIH BAIK DAN PERASAAN CINTAKAN NEGARA YANG TINGGI.

KATANYA, CIRI-CIRI INI ADALAH PERLU BAGI MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG SIHAT DAN KUAT YANG BOLEH MEMPERTAHANKAN KEMERDEKAANNYA DAN SEPARAS DENGAN NEGARA-NEGARA YANG LEBIH MAJU DI DUNIA.

BELIAU JUGA MENYENTUH TENTANG PERLUNYA PARA PEKERJA MEMATUHI WAKTU KERJA DENGAN TEPAT DAN JUJUR SELAIN PERASAAN MERASA MEGAH DENGAN PENCAPAIAN MEREKA DAN BERSIH DARIPADA RASUAH.

DALAM SEBUAH RENCANA KELUARAN TERBARU +BULETIN INTAN+ - PER-CETAKAN RASMI INSTITUT TADBIRAN AWAM NEGARA -- DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA AMALAN TIDAK MEMATUHI WAKTU KERJA MENIMBULKAN BERBAGAI-BAGAI MASALAH YANG TIDAK SEPATUTNYA TIMBUL.

SELAIN MENIMBULKAN KEGELISAHAN PIHAK YANG MENUNGGU, KELEWATAN MUNGKIN JUGA MENJEJAS PROGRAM-PROGRAM YANG TELAH DIRANCANG DAN MEWUJUDKAN BERBAGAI-BAGAI KESUSAHAN. -- LAGI 1758/SZ

MAHATHIR-ETIKA 2 KUALA LUMPUR

+KERJA TIDAK BOLEH DIBUAT OLEH KERANA MASA TELAH DIPENDEKKAN. SETIAP ORANG YANG TERLIBAT RUGI DALAM SATU CARA ATAU LAIN DAN RANCANGAN MENJADI TIDAK BERMAKNA.+

+DIMASA PERANG, KEGAGALAN MEMATUHI WAKTU AKAN MEMBAWA KEPADA KURANG PENYELARASAN ANTARA BERBAGAI-BAGAI GERAKAN. INI AKAN MENJEJASKAN KEKUATAN KESELURUHAN,+ KATANYA.

MENGENAI KEJUJURAN, PERDANA MENTERI BERKATA SETIAP ORANG TIDAK SEPATUTNYA MENGHARAP YANG LAIN BEKERJA KUAT DAN LURUS JIKA IA SENDIRI TIDAK BEKERJA KUAT DAN JUJUR.

SEKIRANYA SEMUA MENGAMALKAN SIKAP BEZA MEMBEZA, AKIBATNYA CIRI-CIRI YANG TIDAK BAIK SAHAJA YANG AKAN KELIHATAN.

+SEPERTI KITA GEDIA MENGETAHUI, SIKAP BEZA MEMBEZA BERMAKNA SESEORANG ITU TIDAK MENGAMALKAN CIRI-CIRI YANG BAIK PADA DIRINYA. JIKA SESEORANG TIDAK BERSIKAP JUJUR DAN YANG LAIN JUGA BERSIKAP DEMIKIAN, SIAPA YANG BENAR-BENAR JUJUR? TIDAK SEORANG PUN.+ -- LAGI 1815/SZ

MAHATHIR - ETIKA 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENERANGKAN BAHAWA WALAUPUN SESUATU MASYARAKAT UNGGUL YANG MENGAMALKAN SATU SISTEM ETIKA YANG UNGGUL TIDAK WUJUD, SEMUA RAKYAT MALAYSIA BOLEH BERUSAHA SEBERAPA DAYA KE ARAH MALAMAT ITU.

MENURUT KEADAAN SEKARANG, BELIAU KESAL BAHAWA MALAHAN ORANG-ORANG ISLAM YANG TELAH DIBERIKAN SISTEM ETIKA TIDAK BERUPAYA MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT UNGGUL.

'TERLAMPAU BANYAK DARIPADA ETIKA YANG BAIK ITU TIDAK DIPEDULIKAN ATAU PENTERJEMAHAN DIBUAT BAGI MENGELIRUKAN ETIKA YANG BAIK DENGAN CIRI-CIRI KEPENTINGAN DIRI SENDIRI YANG SEMPIIT UNTUK KUMPULAN-KUMPULAN YANG INGIN MENGUASAI KESELURUHAN MASYARAKAT ISLAM.'

'RAKYAT MALAYSIA BOLEH BERUSAHA SEBERAPA DAYA UNTUK MEWUJUDKAN SATU MASYARAKAT UNGGUL TETAPI SATU PERMULAAN YANG KECIL ITU ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA UCAPAN-UCAPAN WARAK UNTUK MENCAPAI KEUNGGULAN,' KATANYA.

PERDANA MENTERI MERASA BAHAWA ADALAH MUSTAHAK NILAI-NILAI ROHANIAH DAN AGAMA DIRESAPKAN KE DALAM MASYARAKAT KESELURUHAN UNTUK MENEKAN 'MATERIALISMA MELUAS YANG MENELURKAN KEHALOBAAN DAN SEMANGAT TIDAK BERTANGGUNGJAWAB.' -- LAGI 1830/MB

MAHATHIR - ETIKA 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, 2''SEKIRANYA BERSAMA-SAMA DENGAN INI DICANTUMKAN ETIKA KERJA YANG BAIK SEPERTI MEMBUAT KERJA UNTUK SEHARI YANG JUJUR BUKAN SAHAJA UNTUK HASIL MATERIAL TETAPI JUGA KERANA SUMBANGAN KEPADA MASYARAKAT; BARULAH WUJUD SEBUAH MASYARAKAT MALAYSIA YANG BOLEH DIANGGAP UNGGUL.''

''IA JUGA BOLEH MELAHIRKAN SEBUAH MASYARAKAT YANG MAKMUR TANPA MEMPUNYAI PERASAAN IRI HATI DAN TAMAK HALOBA KERANA CIRI-CIRI TERSEBUT BOLEH MENGHANCURKAN MASYARAKAT.''

MENGENAI PERLUNYA NILAI-NILAI ROHANIAH YANG TINGGI, PERDANA MENTERI BERKATA: '' NILAI-NILAI TERSEBUT ADALAH PERLU KERANA IA MENGSEIMBANGKAN PERASAAN KEHALOBAAN YANG TERKANDUNG DALAM MATERIALISMA... DENGAN ADANYA NILAI-NILAI ROHANIAH YANG TINGGI, PENYERAHAN KEPADA IDEAL-IDEAL YANG TINGGAL, ADALAH LEBIH MUDAH.

''JIKA DITERJEMAHKAN DENGAN BETUL, NILAI-NILAI ROHANIAH AKAN MENINGKATKAN 'CIRI-CIRI KEMANUSIAN' YANG MEMBOLEHKAN SEMANGAT TOLERANSI, KEJUJURAN DAN KEADILAN MENGATAASI SENTIMEN'- SENTIMEN NEGATIF.' KATANYA. -- LAGI 1915/MB

MAHATHIR - ETIKA 5 KUALA LUMPUR

ETIKA KERJA YANG BAIK MERUPAKAN SATU SYARAT PENTING BAGI SESUATU MASYARAKAT. TIDAK ADA APA YANG BOLEH DIBUAT DALAM SATU MASYARAKAT DIMANA ETIKA KERJA YANG BAIK TIDAK WUJUD, KATANYA.

OLEH DEMIKIAN TEGAS BELIAU KESANGGUPAN UNTUK BEKERJA TEKUN DAN JUJUR SAMA ADA UNTUK DIRI SENDIRI ATAU MAJIKAN SEMESTINYA AKAN MEMBAWA KEPADA KEJAYAAN TANPA MENGIRA FAKTOR-FAKTOR LAIN.

JIKA FAKTOR-FAKTOR LAIN SEPERTI SUMBER-SUMBER, IKLIM, KESTABILAN POLITIK, KEWANGAN DAN SISTEM PENTADBIRAN JUGA DALAM KEADAAN BAIK, KEMUNGKINAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH CEMERLANG ADALAH LEBIH BAIK.

DI MALAYSIA, KITA MEMPUNYAI SEMUA FAKTOR INI. APA YANG DIPERLUKAN IALAH KEMAJUAN DALAM ETIKA KERJA VUIPM. KITA PERLU BUAT KERJA SEHARIAN SECARA JUJUR.

KITA PERLU BERDISIPLIN DAN TEKUN. KITA PERLU MEMPEROLEHI KEMAHIRAN MENERUSI PENGALAMAN DAN PEMBELAJARAN.

KITA PERLU MENGANGGAP KERJA SEBAGAI TUGAS BUKAN SAHAJA KEPADA DIRI SENDIRI TETAPI JUGA KEPADA MASYARAKAT DAN NEGARA, TEGASNYA. -- BERNAMA 1920/MB